

**KAJIAN PERBANDINGAN TAHAP KEPUASAN KERJA JURUUKUR
BAHAN DI FIRMA UKUR BAHAN DAN DI SYARIKAT PEMBINAAN**

PHANG PAU CHING

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

MEI, 2007

ABSTRAK

Kepuasan kerja merupakan satu topik yang diminati oleh kedua-dua pihak iaitu bagi pekerja di dalam organisasi dan juga bagi mereka yang ingin mempelajarinya. Daripada Utusan Melayu (2003), Kementerian Sumber Manusia perlu membuat kajian mendalam tentang nasib pekerja swasta di dalam sektor pembinaan sama ada kontraktor atau konsultan, terutama golongan separuh profesional dan profesional yang berkelulusan diploma dan ijazah. Dengan itu, boleh didapati bahawa masih tiada kajian yang jelas menunjukkan tahap kepuasan kerja bagi Juruukur Bahan. Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kepausan kerja responden berdasarkan lima aspek dalam *Job Descriptive Index* (JDI). Penekanan telah diberi ke atas perbezaan di antara persepsi di firma Ukur Bahan dan syarikat pembinaan dalam tahap kepuasan kerja. Soal selidik digunakan untuk mendapat data. Analisis kajian dijalankan secara kuantitatif sahaja dengan penggunaan program penganalisisan khas *Statistical Packages for Social Science* (SPSS). Hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan pekerja mempunyai tahap kepuasan kerja yang hampir sama. Didapati beza min skor yang paling tinggi adalah wujud dalam aspek pekerjaan. Manakala bagi aspek gaji, peluang kenaikan pangkat, rakan sekerja dan penyeliaan tidak mempunyai perbezaan yang ketara. Selain daripada itu, aspek penyeliaan dan rakan sekerja mencapai tahap yang baik bagi kedua-dua kumpulan pekerja. Manakala bagi aspek gaji pula merupakan aspek yang mempunyai kepuasan kerja yang paling rendah bagi kedua-dua kumpulan pekerja jika dibanding dengan aspek yang lain. Secara puratanya, Juruukur Bahan bekerja di syarikat pembinaan mempunyai tahap kepuasan kerja yang lebih tinggi daripada Juruukur Bahan yang bekerja di firma Ukur Bahan.

ABSTRACT

Job satisfaction is a topic of wide interest to both people who work in organization and people who study. Based on the *Utusan Melayu* (2003), Human Resource Department have to made a detail research on the welfare of the workers of the private sector in construction which either contractor or consultant, especially the semi-professional and the professional that have diploma and degree holder. Thus, there has been no research into the Quantity Surveyor on job satisfaction levels in the construction industry. This study was aimed at assessing the respondent's job satisfaction based on the 5 aspect from the Job Descriptive Index (JDI). The focus of this study is to identify the differences between the perception of Quantity Survey consultant firm and contractor company. Questionnaires were used to collect data. The data analyzed using quantitative methods and the Statistical Packages for Social Science (SPSS) analysis system have been used to achieve the outcome of research. The findings of this study show that the job satisfaction levels of both groups are almost similar. The result of this study shows that the most difference was only found in the work aspect. It was also found that there are not many differences between pay, promotion, coworkers and supervisor' aspects. Beside that, supervisor and coworkers' aspect had higher levels in both of group. While for the pay aspect which is lowest job satisfaction in both of group compared to others aspect. In average, Quantity Surveyor working with contractor firm has more working satisfaction than working in consultant firm.